



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***MODAL PSIKOLOGI SEBAGAI PENYEDERHANA DALAM HUBUNGAN  
ANTARA FAKTOR KERJA, KEADILAN ORGANISASI, SOKONGAN  
SOSIAL DAN GELAGAT KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DALAM  
KALANGAN KAKITANGAN INSTITUSI PENGURUSAN HAJI***

**NORAIDAH BINTI HASSAN**

**FPP 2022 10**



**MODAL PSIKOLOGI SEBAGAI PENYEDERHANA DALAM HUBUNGAN  
ANTARA FAKTOR KERJA, KEADILAN ORGANISASI, SOKONGAN  
SOSIAL DAN GELAGAT KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DALAM  
KALANGAN KAKITANGAN INSTITUSI PENGURUSAN HAJI**

Oleh

**NORAIDAH BINTI HASSAN**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Disember 2021**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MODAL PSIKOLOGI SEBAGAI PENYEDERHANA DALAM HUBUNGAN ANTARA FAKTOR KERJA, KEADILAN ORGANISASI, SOKONGAN SOSIAL DAN GELAGAT KEWARGANEGARAAN ORGANISASI DALAM KALANGAN KAKITANGAN INSTITUSI PENGURUSAN HAJI**

Oleh

**NORAIDAH BINTI HASSAN**

**Disember 2021**

**Pengerusi : Profesor Madya Khairuddin Idris, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini telah direka bentuk bagi memahami fenomena Gelagat Kewarganegaraan Organisasi (GKO) yang dikatakan masih kekal relevan untuk dikaji walaupun ia telah banyak dibincangkan dalam bidang pembangunan organisasi. Hal ini disebabkan oleh sifat organisasi yang sering berubah dan perlu sentiasa berdaya saing. Di sini, pekerja yang berinisiatif dalam melaksanakan fungsi organisasi melebihi tugas formal sangat diperlukan. Dalam konteks kajian GKO, kajian-kajian yang lalu telah membuktikan bahawa modal psikologi merupakan sumber individu yang boleh bertindak sebagai penyederhana antara GKO dan faktor-faktor peramal GKO. Namun demikian, ia kurang mendapat perhatian dalam kalangan para penyelidik. Oleh itu, kajian ini mengkaji tentang pengaruh tiga jenis faktor utama iaitu faktor keadilan organisasi (keadilan distributif, keadilan prosedur, keadilan interaksi), faktor sokongan sosial (sokongan organisasi, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja) dan faktor beban kerja terhadap GKO. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti adakah modal psikologi memberi kesan sebagai penyederhana dalam hubungan antara faktor keadilan organisasi, faktor sokongan sosial dan faktor beban kerja dengan GKO.

Kajian ini menggunakan Teori Permintaan-Sumber Kerja (TPSK) sebagai asas teori bagi memahami konsep GKO. Kerangka kajian ini kemudiannya dikembangkan lagi dengan sokongan Teori Pemuliharaan Sumber untuk memahami dengan lebih mendalam tentang sumber individu yang dimiliki oleh manusia dan kesannya dalam menentukan tingkah laku GKO. Menurut Teori TPSK, GKO merupakan satu tingkah laku sukarela dalam organisasi yang berlaku disebabkan oleh faktor keadaan pekerjaan. Di sini, keadaan pekerjaan yang terdiri daripada sumber pekerjaan (faktor keadilan organisasi dan

sokongan sosial) dan permintaan pekerjaan (faktor beban kerja) memainkan peranan penting kerana tingkah laku individu boleh berubah disebabkan faktor tersebut. Selain itu, penyelidik dalam bidang tingkah laku juga menekankan bahawa modal psikologi merupakan elemen peribadi yang boleh menggalakkan tingkah laku positif di tempat kerja apabila berhadapan dengan pelbagai situasi. Oleh yang demikian, kajian ini mengusulkan bahawa modal psikologi dapat berfungsi dengan baik sebagai penyederhana dalam hubungan antara faktor persekitaran dan tingkah laku GKO kerana ia dapat menentukan bagaimana individu bertindak balas terhadap persekitaran tersebut.

Kajian ini telah dijalankan di Tabung Haji (TH) menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk penyelidikan deskriptif dan korelasi serta kajian keratan rentas. Soal selidik berstruktur telah digunakan dalam pengumpulan data yang diperolehi dari 250 orang pekerja TH di ibu pejabat dan cawangan negeri yang terpilih. Seterusnya, sampel dipilih berdasarkan prosedur pensampelan rawak berstrata mengikut nisbah. Data kajian ini pula dianalisis menggunakan Permodelan Persamaan Struktur (atau SEM-AMOS).

Hasil kajian menunjukkan bahawa hanya faktor keadilan distributif, sokongan penyelia dan beban kerja dapat mempengaruhi GKO para pekerja di TH. Tambahan pula, modal psikologi pula hanya bertindak sebagai penyederhana dalam hubungan antara keadilan distributif, sokongan penyelia, sokongan rakan sekerja dan beban kerja dengan GKO. Kesimpulannya, hasil kajian ini dilihat separa menyokong kerangka teori yang dicadangkan di mana GKO boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berbeza berdasarkan keadaan pekerjaan dan modal psikologi merupakan penyederhana dalam fenomena GKO.

Hasil kajian ini memberi implikasi kepada teori dengan membangunkan satu rangka kajian yang menggabungkan beberapa faktor yang berbeza. Faktor ini terdiri daripada permintaan pekerjaan sebagai faktor fizikal, sumber pekerjaan sebagai faktor organisasi dan faktor sosial serta sumber peribadi dalam satu model kajian. Selain itu, secara praktikal, kajian ini boleh dijadikan asas kepada pengamal PSM untuk merangka dasar atau polisi yang sesuai dalam mewujudkan persekitaran kondusif yang menggalakkan pelaksanaan GKO. Kajian ini juga mencadangkan bahawa adalah penting untuk organisasi memberi penekanan kepada aspek yang mempengaruhi GKO kerana ia boleh menjadi salah satu inisiatif yang boleh menyokong pelan perubahan yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Di samping itu, kajian ini juga mencadangkan supaya kajian masa hadapan mengambil kira faktor-faktor lain sebagai peramal yang boleh mempengaruhi GKO memandangkan hasil kajian ini tidak sepenuhnya menyokong model kajian yang dibina.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**PSYCHOLOGICAL CAPITAL AS A MODERATOR IN THE  
RELATIONSHIP BETWEEN WORK FACTORS, ORGANIZATIONAL  
JUSTICE, SOCIAL SUPPORT, AND ORGANIZATIONAL  
CITIZENSHIP BEHAVIOR AMONG THE STAFF OF HAJJ  
MANAGEMENT INSTITUTIONS**

By

**NORAIDAH BINTI HASSAN**

**December 2021**

**Chairman : Associate Professor Khairuddin Idris, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

This study was designed to understand the phenomenon of Organizational Citizenship Behavior (OCB), which is still relevant to study even though it has been widely discussed in the field of organizational development. This is due to the ever-changing nature of the organization and the need to remain competitive. Employees who take the initiative in performing organizational functions beyond formal tasks are much needed. In the context of OCB studies, past studies have demonstrated that psychological capital is an individual resource that can act as a mediator between OCB and its predictor. Nevertheless, it has received less attention from researchers. Therefore, this study examines the influence of three main factors, namely organizational justice (distributive justice, fairness, interaction justice procedure), social support factor (organizational support, supervisor support, peer support), and workload factor on OCB. In addition, this study also aimed to identify whether psychological capital affects moderation in the relationship between organizational justice factors, social support factors, and workload factors with OCB.

This study uses Job Demand-Resource (JDR) theory as the theoretical basis to understand the concept of OCB. The theoretical framework of this study was then further developed with the support of the Conservation of Resource (COR) theory to gain a deeper understanding of human-owned individual resources and their impact on determining OCB. According to JDR theory, OCB is a voluntary behavior in an organization due to work environment factors. Work environment factors consisting of job resources (organizational justice and social support factor) and job demand (workload factor) play an essential role because individual behavior can change due to those factors. In addition, researchers in

the field of behavior also emphasize that psychological capital is a personal element that can encourage positive behaviors in the workplace when faced with various situations. Therefore, this study proposes that psychological capital can function well as a moderator in the relationship between work environmental factors and OCB because it can determine how individuals respond to that environment.

This study was conducted at Tabung Haji (TH) using a quantitative approach with a descriptive and correlation research design as well as a cross-sectional study. Structured questionnaires were used to collect data from 250 TH employees at headquarters and selected branches. Next, samples were selected based on a proportionate stratified random sampling procedure. The data of this study were analyzed using Structural Equation Modeling (or SEM-AMOS).

The results showed that only distributive justice, supervisor support, and workload factors could influence the OCB of TH employees. Furthermore, psychological capital only moderates the relationship between distributive justice, supervisory support, co-worker support, and workload with OCB. In conclusion, the results of this study are seen to partially support the proposed theoretical framework in which OCB can be influenced by different factors based on working conditions, and psychological capital is a moderator in the OCB phenomenon.

The results of this study give implications to the theory by developing a research framework that combines several different factors. These factors consist of job demand as a physical factor, job resources as an organizational and social factor, as well as psychological capital as personal resources in one research model. In addition, practically, this study can be used as a basis for HRD practitioners to formulate appropriate policies to create a conducive environment that encourages OCB implementation. This study also suggests that it is important for organizations to emphasize the aspects that affect OCB as it can be one of the initiatives that can support the change plan implemented by an organization. In addition, this study also suggests that future studies consider other factors as predictors that may influence OCB since the results of this study do not fully support the constructed study model.



## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kuniannya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan Alhamdulillah.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Khairuddin Idris selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang telah banyak diberikan untuk membantu dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang baik. Tidak dilupakan juga kepada Dr. Zoharah binti Omar, Dr. Siti Noormi binti Alias, Dr. Nur Aira binti Abd. Rahim dan Dr. Lokman bin Mohd Noor yang turut membantu dan memberi tunjuk ajar sepanjang saya proses menyiapkan tesis ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan.

Ribuan terima kasih kepada ibu saya yang dihormati Puan Hajah Norlin binti Abdullah yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada anak-anak iaitu Adi Nazhan bin Abdul Rahman, Khadijah Nadiyah binti Abdul Rahman dan suami atas kesabaran, dorongan, sokongan, bantuan, toleransi, cinta dan doa kalian sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungai dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Khairuddin bin Idris, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Siti Noormi binti Alias, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Nur Aira binti Abd. Rahim, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Mei 2022

## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Khairuddin bin Idris

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Siti Noormi binti Alias

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: Dr. Nur Aira binti Abd. Rahim

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Manfaat GKO terhadap Organisasi	2
1.1.2 GKO dalam Sektor Perkhidmatan di Malaysia	3
1.1.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi GKO	5
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	10
1.3.1 Objektif Umum	10
1.3.2 Objektif Spesifik	10
1.4 Hipotesis Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Limitasi Kajian	14
1.8 Definisi Istilah	15
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
2.1 Gelagat Kewarganegaraan Organisasi (GKO)	19
2.1.1 Sejarah dan Perkembangan GKO	19
2.1.2 Pengoperasian Konsep GKO	21
2.1.3 Dimensi Gelagat Kewarganegaraan Organisasi	24
2.2 Teori	28
2.2.1 Teori Permintaan-Sumber Kerja	29
2.2.2 Teori Pemuliharaan Sumber	32
2.3 Kerangka Teoretikal Kajian	34
2.4 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi GKO	38
2.4.1 Faktor Keadilan Organisasi	38
2.4.2 Faktor sokongan sosial	46
2.4.3 Faktor kerja	51
2.5 Modal Psikologi	54
2.5.1 Modal Psikologi sebagai Penyederhana	56
2.6 Ringkasan Bab	58

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>60</b>
3.1	Kerangka Kajian	60
3.2	Reka Bentuk Kajian	61
3.3	Populasi	62
3.4	Kaedah Persampelan	64
	3.4.1 Saiz Sampel	65
	3.4.2 Prosedur Persampelan	66
3.5	Pengukuran dan instrumen	67
3.6	Instrumen Kajian	68
	3.6.1 Gelagat Kewarganegaraan Organisasi (GKO)	68
	3.6.2 Keadilan organisasi	69
	3.6.3 Persepsi sokongan organisasi	69
	3.6.4 Persepsi sokongan penyelia	70
	3.6.5 Persepsi sokongan rakan sekerja	71
	3.6.6 Beban kerja	71
	3.6.7 Modal psikologi	72
	3.6.8 Maklumat demografi	73
3.7	Kebolehpercayaan	74
3.8	Kajian Rintis	74
3.9	Kesahan	75
	3.9.1 Kesahan Kandungan	76
	3.9.2 Kesahan Konstruk	76
3.10	Prosedur Pengumpulan Data	77
3.11	Penganalisan Data	79
	3.11.1 Proses saringan dan eksplorasi data	79
	3.11.2 Analisis Deskriptif	80
	3.11.3 Analisis Permodelan Persamaan Berstruktur (SEM)	80
3.12	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	83
	3.12.1 Gelagat Kewarganegaraan Organisasi	83
	3.12.2 Keadilan distributif	85
	3.12.3 Keadilan prosedur	86
	3.12.4 Keadilan Interaksi	87
	3.12.5 Sokongan Organisasi	88
	3.12.6 Sokongan Penyelia	89
	3.12.7 Sokongan Rakan Sekerja	90
	3.12.8 Beban Kerja	90
	3.12.9 Modal Psikologi	91
3.13	Analisis Model Pengukuran	93
	3.13.1 Kepadanan Model Pengukuran	95
	3.13.2 Kesahan Diskriminan	96
	3.13.3 Multikekolinearan	96
	3.13.4 Ujian Normaliti	97
	3.13.5 Ujian Pengenalpastian Outlier	97
3.14	Ringkasan Bab	97
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>99</b>
4.1	Profil Demografi Responden	99
4.2	Analisis Deskriptif	102
	4.2.1 Tahap GKO	102

4.2.2	Perbincangan tahap GKO	104
4.2.3	Tahap keadilan organisasi	105
4.2.4	Perbincangan tahap keadilan organisasi	106
4.2.5	Tahap sokongan sosial	107
4.2.6	Perbincangan tahap sokongan sosial	108
4.2.7	Tahap beban kerja	110
4.2.8	Perbincangan Tahap Beban Kerja	110
4.3	Analisis Model Struktur	110
4.3.1	Pengaruh faktor keadilan organisasi terhadap GKO	112
4.3.2	Perbincangan tentang pengaruh faktor keadilan organisasi terhadap GKO	112
4.3.3	Pengaruh faktor sokongan sosial terhadap GKO	114
4.3.4	Perbincangan tentang pengaruh faktor sokongan sosial terhadap GKO	115
4.3.5	Pengaruh beban kerja terhadap GKO	116
4.3.6	Perbincangan tentang pengaruh faktor beban kerja terhadap GKO	116
4.4	Analisis Pelbagai Kumpulan	117
4.4.1	Pengaruh modal psikologi sebagai penyederhana terhadap hubungan antara faktor keadilan organisasi dengan GKO	121
4.4.2	Pengaruh modal psikologi sebagai penyederhana terhadap hubungan antara sokongan sosial organisasi dengan GKO	122
4.4.3	Pengaruh modal psikologi sebagai penyederhana terhadap hubungan antara beban kerja dengan GKO	122
4.4.4	Perbincangan tentang Pengaruh Modal psikologi sebagai Penyederhana	123
4.5	Ringkasan Hasil Ujian Hipotesis	125
4.6	Ringkasan Bab	126
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>127</b>
5.1	Ringkasan Kajian	127
5.2	Kesimpulan Kajian	130
5.3	Implikasi Kajian	135
5.3.1	Implikasi kepada Teori	135
5.3.2	Implikasi kepada Praktis	137
5.4	Cadangan terhadap Praktis	140
5.5	Cadangan terhadap Kajian Masa Hadapan	141
	<b>RUJUKAN</b>	<b>143</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>178</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>206</b>
	<b>PENERBITAN</b>	<b>207</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1	Definisi Gelagat Kewarganegaraan Organisasi 23
2.2	Ringkasan Dimensi GKO 27
2.3	Ringkasan tinjauan literasi keadilan organisasi terhadap GKO 45
3.1	Taburan Populasi Pekerja Tabung Haji Mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia 63
3.2	Konstruk dan Sumber Instrumen 72
3.3	Maklumat Demografi dan Jenis Skala 73
3.4	Cronbach- $\alpha$ untuk Kajian Rintis (n=30) 75
3.5	Jumlah cawangan TH yang terlibat mengikut Zon 77
3.6	Ringkasan Analisis mengikut Objektif Kajian 82
3.7	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk GKO 84
3.8	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Keadilan Distributif 85
3.9	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Keadilan Prosedur 86
3.10	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Keadilan Interaksi 87
3.11	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Sokongan Organisasi 88
3.12	Hasil Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Sokongan Penyelia 89
3.13	Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Sokongan Rakan Sekerja 90
3.14	Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Beban Kerja 91
3.15	Analisis Faktor Pengesahan Konstruk Modal Psikologi 93
3.16	AVE dan Korelasi Kuasa Dua 96
3.17	Koefisien Korelasi antara Pemboleh Ubah Bebas 97

4.1	Maklumat Peribadi Responden (n=250)	100
4.2	Maklumat Profesional Responden (n=250)	101
4.3	Statistik Deskriptif GKO	103
4.4	Tahap Gelagat Kewarganegaraan Organisasi	104
4.5	Tahap Keadilan Organisasi	105
4.6	Tahap Sokongan Organisasi	108
4.7	Tahap Beban Kerja	110
4.8	Regression Weights antara Keadilan Organisasi dan GKO	112
4.9	Regression Weights antara Sokongan Sosial dan GKO	114
4.10	<i>Regression Weights</i> antara Beban Kerja dan GKO	116
4.11	Perbezaan Nilai CMIN antara model tidak dikekang dan model pengukuran residual	118
4.12	Hasil Analisis Pelbagai Kumpulan	121
4.13	Keputusan Keseluruhan Ujian Hipotesis	125



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Sektor yang Menyumbang KDNK Negara (2016-2018)	4
2.1	Teori Permintaan-Sumber Kerja	30
2.2	Kerangka teori yang menunjukkan hubungan antara angkubah-angkubah bebas dan penyederhana terhadap GKO	37
3.1	Kerangka kajian yang menunjukkan hubungan antara angkubah bebas dan penyederhana terhadap GKO	61
3.2	Prosedur Persampelan Rawak Berstrata Mengikut Nisbah	66
3.3	Proses Pengumpulan Data	78
3.4	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk GKO	84
3.5	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Keadilan Distributif	85
3.6	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Keadilan Prosedur	86
3.7	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Keadilan Interaksi	87
3.8	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Sokongan Organisasi	88
3.9	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Sokongan Penyelia	89
3.10	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Sokongan Rakan	90
3.11	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Beban Kerja	91
3.12	Model Akhir CFA Individu bagi Konstruk Modal Psikologi	92
3.13	Model Pengukuran Asal	94
3.14	Model Pengukuran Akhir	95
4.1	Model Struktur	111
4.2	Model Struktural bagi Modal Psikologi Rendah	119
4.3	Model Struktural bagi Modal Psikologi Tinggi	120
5.1	Model Akhir Kajian	135

## SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis Moment of Structural</i>
AVE	<i>Average Extracted Variance</i>
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
GKO	Gelagat Kewarganegaraan Organisasi
KDNK	Keluaran dalam Negara Kasar
MPSK	Model Permintaan Sumber Kerja
PSM	Pembangunan Sumber Manusia
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
TPS	Teori Pertukaran Sosial
TH	Tabung Haji
TPS	Teori Pemuliharaan Sumber

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan latar belakang kajian termasuk subseksyen pengenalan gelagat kewarganegaraan organisasi (GKO) di Tabung Haji (TH), Malaysia, diikuti dengan pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, dan kepentingan kajian. Bab ini juga menerangkan skop dan limitasi kajian serta definisi operasi yang diguna pakai dalam kajian ini.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

GKO merupakan tingkah laku budi bicara atau tingkah laku yang dilakukan melebihi peranan kontrak kerja yang dilaksanakan oleh individu (Organ, 2018). Tingkah laku ini tidak dinilai secara formal dalam sistem prestasi pekerja, namun ia mampu memberikan pelbagai manfaat kepada sesuatu organisasi. GKO terdiri daripada pelbagai bentuk yang berbeza, antaranya i) pekerja mengambil inisiatif untuk menghulurkan pertolongan, ii) pekerja berkongsi pengetahuan dan saling membantu, iii) pekerja senior yang sudi membantu pekerja baru, iv) pekerja yang menyertai aktiviti yang dijalankan sama ada secara teknikal mahupun tidak, v) pekerja yang sentiasa bertolak ansur tanpa sebarang rungutan serta vi) pengurus yang mudah didekati dan mesra terhadap pekerja bawahan. Kesemua bentuk GKO ini merupakan satu tingkah laku positif yang terbukti dapat membantu dalam meningkatkan keberkesanan organisasi (Organ, 1988; Podsakoff & MacKenzie, 1995; Musringudin et al., 2017; Organ, 2018; Reynaldi et al., 2019; Supriyanto et al., 2020).

Menurut Teng et al. (2020), konsep GKO telah dibincangkan secara meluas semenjak tiga dekad lalu terutamanya dalam bidang sains pengurusan, psikologi dan tingkah laku organisasi. Namun, sehingga kini, konsep GKO masih relevan untuk dikaji berikutan sifat organisasi dan pekerjaan yang dilihat banyak mengalami perubahan berikutan daripada peningkatan teknologi dan proses globalisasi (Kharismasyah, 2019; Organ, 2018; Lau et al., 2020; Ulfa & Siwi, 2021). Perubahan yang berlaku menuntut organisasi untuk menggunakan segala sumber yang mereka perolehi, terutamanya sumber tenaga manusia dengan lebih efektif. Oleh itu, pekerja yang berinisiatif dan bersedia untuk menyumbang kepada fungsi organisasi melebihi tugas formal menjadi aset yang sangat penting (Supriyanto et al., 2020; Ulfa & Suwi, 2021).

Selain itu, sifat dan persekitaran organisasi yang sering berubah juga telah banyak menyebabkan corak kerja pada masa kini jauh berbeza berbanding dahulu. Sebagai contoh, deskripsi tugas pada masa dahulu yang menjadi panduan dalam melaksanakan tugas dilihat menjadi semakin ketinggalan

zaman dan kurang relevan (Gong et al., 2018). Hal ini kerana tingkah laku peranan tambahan dilihat lebih banyak dituntut memandangkan ia dapat mengisi jurang antara tingkah laku yang berdasarkan deskripsi pekerjaan dengan tingkah laku spontan yang perlu dilakukan dalam memenuhi kehendak persekitaran tempat kerja yang sering berubah-ubah.

### 1.1.1 Manfaat GKO terhadap Organisasi

Menurut Akturan dan Cekmecelioglu (2016), terdapat beberapa sebab yang menjadikan GKO penting dalam sesebuah organisasi iaitu i) GKO merupakan cara untuk mengurus kebergantungan antara anggota unit kerja supaya hasil kolektif dapat ditingkatkan; ii) GKO mengurangkan keperluan organisasi untuk mengagihkan sumber yang terhad kepada satu fungsi sahaja. Oleh itu, sumber boleh menjadi bebas dan lebih membantu dalam meningkatkan produktiviti; iii) GKO dapat meningkatkan keupayaan individu (iaitu rakan sekerja dan pengurus) dalam melaksanakan tugas dengan cara memberi mereka lebih banyak peluang untuk merancang jadual dan mencari penyelesaian masalah yang lebih efisien; iv) GKO meningkatkan kemampuan organisasi untuk menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling serta v) GKO juga membantu organisasi untuk menjadi sebuah organisasi yang mampu menarik dan mengekalkan pekerja untuk terus berkhidmat kerana mempunyai persekitaran kerja yang positif dan sihat untuk mereka berkembang dalam kerjaya. Kesimpulannya, GKO bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan sesebuah kumpulan kerja malahan secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi organisasi agar sentiasa berdaya saing dan terus bertahan (Supriyanto et al., 2020; Ocampo et al., 2018; Dai, et al., 2018; Rose, 2016; Podsakoff et al., 2009).

Menurut Organ (2018), walaupun GKO tidak diiktiraf secara formal oleh sistem penilaian prestasi, banyak organisasi mula mengambil tahu tentang konsep GKO termasuk mengambil kira perkara yang mendorong pekerja berbakti kepada organisasi melebihi kontrak kerja formal yang telah ditetapkan. Menurut Smith et al. (1983) pula, pelaksanaan GKO dapat melicinkan jentera sosial organisasi di mana operasi harian akan berjalan tanpa pertikaian kerana ia menggalakkan sifat fleksibiliti. Oleh itu, kumpulan kerja dalam organisasi dapat beroperasi dengan baik dan lancar meskipun berhadapan dengan tugas yang mencabar atau tidak dirancang (Kumari & Pradhan, 2014; Podsakoff et al., 2014). Sebagai contoh, ketika berhadapan dengan tugas yang tidak diduga atau bebanan tugas yang semakin bertambah, pekerja masih mampu menyelesaikan tugas dengan cara saling membantu antara satu sama lain walaupun ia melebihi skop tugas mereka (Supriyanto et al., 2020). Oleh hal yang demikian, walaupun organisasi berhadapan dengan situasi kekurangan sumber tenaga kerja, banyak tugas masih boleh diselesaikan kerana kecekapan kumpulan telah digunakan semaksimum mungkin (Bolino et al., 2018; Ababneh & Hackett, 2018; Organ, 2018; Yuliansyah et al., 2019).


Selain itu, Rose (2016) turut menegaskan bahawa amalan GKO mampu mewujudkan persekitaran sosial yang positif di tempat kerja. Hal ini secara tidak langsung dapat memperkuat daya tarik dan ikatan sosial dalam sesebuah kumpulan kerja. Ikatan sosial yang baik dalam sesebuah kumpulan kerja membolehkan individu bekerja dengan lebih baik kerana mendapat sokongan penuh daripada rakan sekerja dan merasa lebih terlibat dengan organisasi. Manakala daya tarik sosial pula menjadikan pekerja lebih dihargai oleh rakan sekerja. Ini kerana pekerja yang melaksanakan GKO biasanya dianggap sebagai seorang yang suka membantu. Justeru itu, ia dapat meningkatkan kualiti persekitaran kerja secara sosial dan psikologi dengan cara menyokong kecekapan tugas dan meningkatkan prestasi kumpulan (Organ 2018; Organ, 1988; Podsakoff & MacKenzie, 1995).

Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa GKO memberi manfaat bukan sahaja kepada individu di dalam organisasi malah kepada keseluruhan sistem organisasi (Klotz et al., 2017; Ocampo et al., 2018; Lo & Ramayah, 2009). Kenyataan ini ternyata disokong oleh ramai penyelidik terdahulu, terutamanya penyelidik yang telah menjalankan kajian berkaitan GKO dalam konteks organisasi yang berorientasikan perkhidmatan (Jain et al., 2012; Suliman & Al Obaidli, 2013; Gill, 2016; Sidin et al., 2019).

### **1.1.2 GKO dalam Sektor Perkhidmatan di Malaysia**

Sektor perkhidmatan merupakan sektor yang mustahak dalam pergerakan ekonomi global. Begitu juga di Malaysia, sektor perkhidmatan terdiri daripada 27 subsektor (cth. Perkhidmatan Kesihatan, Perkhidmatan Pengurusan Kewangan, Perkhidmatan Hotel dan Restoran, Perkhidmatan Penjagaan Harian Kanak-kanak). Sektor ini merupakan penyumbang terbesar kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) negara sepanjang tahun 2016 hingga tahun 2018 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2018), iaitu sebanyak 54.5% (rujuk Rajah 1.1). Ia didapati meningkat sebanyak 5.6% – 5.9% setiap tahun.

Kini, melalui Rancangan Malaysia Ke-11, sektor perkhidmatan masih dijangka akan menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Sejalan dengan itu, kerajaan telah merangka beberapa strategi untuk mentransformasikan sektor perkhidmatan bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan dalam menghadapi pelbagai isu yang telah dikenal pasti seperti i) tahap produktiviti yang rendah dalam kalangan tenaga kerja, ii) penggunaan dan pembangunan teknologi, serta iii) ketidakpadanan kemahiran (Unit Perancang Ekonomi, 2015).



**Rajah 1.1 : Sektor yang Menyumbang KDNK Negara (2016-2018)**

Nota. Statistik daripada Unit Perancang Ekonomi (2015)

Berdasarkan Laporan Kertas Strategi 18: Mentransformasi Sektor Perkhidmatan, kerajaan Malaysia telah mengenal pasti lapan jenis subsektor perkhidmatan yang diberi keutamaan. Ini termasuk subsektor perkhidmatan i) industri halal, ii) pelancongan, iii) pendidikan tinggi swasta, iv) kesihatan swasta, v) kewangan, vi) perkhidmatan perdagangan borong dan runcit, vii) perkhidmatan profesional dan viii) perkhidmatan industri pembinaan (Unit Perancang Ekonomi, 2015). Menurut Purnomo & Hadi (2019), sejak kebelakangan ini sektor perkhidmatan telah mengalami perubahan persekitaran organisasi yang pesat. Transformasi bidang perkhidmatan kini sedang giat dijalankan secara khusus untuk memacu peralihan kepada aktiviti strategik yang bernilai tinggi.

Sejajar dengan usaha Malaysia mendepani Revolusi Perindustrian Keempat, sektor perkhidmatan juga dilihat berkembang menjadi satu sektor yang berintensifkan pengetahuan dan didorong oleh produktiviti. Oleh yang demikian, sumber manusia yang lebih berinisiatif merupakan elemen penting dalam bidang perkhidmatan. Ini kerana produktiviti yang optimum hanya boleh dicapai apabila pekerja melakukan tugas rasmi serta tugas di luar bidang kerja rasmi mereka dengan baik. Dalam erti kata lain, salah satu cara yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan adalah dengan mempunyai pekerja yang cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku kerja yang positif dan proaktif serta bersedia untuk melampaui jangkaan dalam melaksanakan tugas.

Hal ini terjadi kerana sektor perkhidmatan merupakan sektor yang mempunyai hubungan secara langsung atau secara terus dengan pelanggan berbanding sektor lain (Reynaldi et al., 2019; Purnomo & Hadi, 2019). Tingkah laku positif ketika sesi pertemuan perkhidmatan merupakan salah satu faktor penting yang



dapat mempengaruhi prestasi organisasi dari segi kualiti perkhidmatan, kepuasan dan kesetiaan pelanggan (Hwa & Amin, 2016; Purnomo & Hadi, 2019).

### **1.1.3 Faktor-Faktor yang Mempengaruhi GKO**

Berdasarkan penelitian literatur, kajian ini telah mengenal pasti beberapa faktor yang boleh mempengaruhi GKO. Antaranya ialah kepuasan kerja (cth. Tharikh et al., 2016; Fitrijo et al., 2019; Khan & Istvan, 2020), gaya kepimpinan (cth. Harwiki, 2016; Kim, 2014; Yang & Wei, 2018; Pratama & Putri, 2019), keadilan organisasi (cth. Joseph et al., 2015; Pan et al., 2018; Donglong et al., 2020), sokongan organisasi (cth. Miao, 2011; Azim & Dora, 2016; Tan et al., 2019; Jehanzeb, 2020), sokongan penyelia (cth. Akram et al., 2018; Chang et al., 2018; Fiernaningsih, 2020) dan komitmen organisasi (cth. Kim, 2014; Tharikh et al., 2016; Grego-Planer, 2019; Motalebi & Marşap, 2020).

Namun, antara kesemua faktor tersebut, faktor keadilan organisasi merupakan penyumbang terbesar GKO dan kerap diberi perhatian oleh para penyelidik dalam bidang pembangunan dan tingkah laku organisasi. Keadilan organisasi telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menjadi peramal kepada GKO semenjak tahun 1980-an lagi (Organ, 1988; Organ & Konovsky, 1989). Banyak kajian tentang hubungan dan pengaruh keadilan organisasi terhadap GKO telah dihuraikan oleh penyelidik daripada pelbagai konteks kajian yang berbeza. Namun, ia tetap tidak mengubah konsep asas hubungan antara keadilan dan GKO (Cropanzano et al., 2016; Douli et al., 2017; Junru & Huang, 2019). Hasil kajian tetap menunjukkan bahawa apabila seseorang individu percaya bahawa mereka sedang diperlakukan dengan adil dari pelbagai sudut, mereka cenderung untuk membalas keadilan yang diterima dengan cara melaksanakan tingkah laku yang memberi kebaikan kepada organisasi GKO (Konovsky & Organ, 1996; Mursingudin et al., 2017; Dong & Phuong, 2018; Sujono et al., 2020). Ini termasuk keadilan dalam proses pembuatan keputusan serta keadilan dalam pemberian ganjaran. Malah, beberapa teori seperti Teori Ekuiti oleh Adam (1965) dan Teori Pertukaran Sosial oleh Blau (1964) juga telah memberikan asas yang kukuh untuk menjelaskan hubungan antara GKO dan keadilan organisasi (Moorman 1991; Chan & Lai, 2017).

Selain itu, kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sosial di tempat kerja dengan prestasi serta tingkah laku pekerja atau secara spesifiknya, GKO (Kim et al., 2013; Indrawiani, et al. 2018). Sokongan sosial yang terdiri daripada sokongan organisasi, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja telah memberi pengaruh yang positif kepada GKO (Kim, Van et al., 2013; Amritha & Sridadi, 2020). Ketiga-tiga jenis sokongan ini penting kerana sokongan sosial di tempat kerja dapat meningkatkan motivasi pekerja dan menggalakkan kestabilan emosi individu (Wang et al., 2014; Chenevert, et al., 2015; Dai et al., 2018; Pandey & Chairungruang, 2020). Motivasi dan emosi yang positif membuatkan pekerja



lebih gembira untuk bekerja dan melaksanakan tingkah laku suka rela di mana pekerja sedia membantu organisasi walaupun tugas-tugas tersebut adalah di luar tugas hakiki mereka.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati bahawa faktor pekerjaan seperti beban kerja merupakan salah satu faktor yang boleh menyumbang kepada prestasi (iaitu prestasi tugas dan prestasi kontekstual) atau tingkah laku pekerja di dalam organisasi (Borman & Motowidlo, 1993; Abdul Rauf, 2016; Sutrisno & Indriasari, 2020; Wijaya & Purba, 2020). Beberapa kajian menyatakan beban kerja memberi kesan negatif kepada GKO (cth. Eatough et al., 2011; Pooja et al., 2016; Abdul Rauf, 2016; Jumadi, 2019). Hal ini kerana apabila pekerja berhadapan dengan beban kerja yang tinggi, mereka cenderung untuk gagal menangani tanggungjawab mereka dengan baik. Mereka menganggap diri mereka tidak mempunyai sumber untuk membantu orang lain akibat daripada beban kerja yang terlalu tinggi. Oleh yang demikian, mereka tidak melaksanakan GKO (Abdul Rauf, 2016; Kumar et al., 2019). Namun, terdapat juga kajian yang mendedahkan di mana beban kerja merupakan faktor positif kepada GKO (Sutrisno & Indriasari, 2020; Wijaya & Purba, 2020; Dwomoh et al., 2019). Dalam konteks kajian tersebut, GKO dianggap sebagai *challenge stressor* yang boleh meningkatkan motivasi untuk menyelesaikan tugas dan menunjukkan tingkah laku positif di tempat kerja.

Akhir sekali, kajian ini mendapati modal psikologi merupakan sumber positif yang penting dalam fenomena ini kerana ia merangkumi kekuatan dan keupayaan individu untuk mengatasi sesuatu keadaan di tempat kerja. Di sini, modal psikologi merangkumi set mental yang positif iaitu i) keberkesanan diri, ii) harapan, iii) keyakinan dan iv) daya tahan. Menurut Peng (2019), modal psikologi merupakan sumber individu positif yang stabil dan dapat memberi tenaga ketika individu mengalami situasi yang tidak diingini. Para penyelidik dalam bidang tingkah laku telah menekankan bahawa modal psikologi dapat menggalakkan tingkah laku positif di tempat kerja serta meningkatkan kualiti kerja yang pada akhirnya mampu memberi kesan kepada prestasi keseluruhan organisasi (Avey et al., 2008; Avey et al., 2010; Pradhan et al., 2016; Witasari & Gustomo, 2020). Hal ini selari dengan pendapat Xanthopolou et al. (2009) yang mengusulkan bahawa sumber peribadi seperti modal psikologi dapat berfungsi dengan baik sebagai penyederhana dalam hubungan antara faktor persekitaran dan hasil pengeluaran organisasi. Hal ini kerana ia dapat menentukan bagaimana individu memahami lingkungan persekitaran mereka, lalu merumus dan bertindak balas terhadap persekitaran tersebut.

Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti apakah kesan faktor keadilan organisasi (iaitu keadilan distributif, keadilan prosedur, keadilan interaksi), faktor sokongan sosial (iaitu sokongan rakan sekerja, sokongan penyelia, sokongan organisasi), serta faktor pekerjaan (iaitu beban kerja) terhadap GKO. Kajian ini juga akan menggunakan modal psikologi sebagai

penyederhana di antara hubungan pemboleh ubah bebas (iaitu faktor keadilan organisasi, faktor sokongan sosial dan faktor beban kerja) dengan GKO.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Sejak enam dekad yang lalu, banyak kajian secara teoretikal dan empirikal telah dijalankan untuk memahami konsep, peramal dan juga pengaruh GKO terhadap individu dan organisasi. Sehingga tahun 2014, lebih 2100 artikel mengenai GKO telah diterbitkan secara ilmiah, menjadikan ia antara salah satu pemboleh ubah yang paling banyak dikaji dalam bidang sains organisasi (Podsakoff et al. 2014). Namun, di sebalik lambakan kajian tersebut, konsep GKO dikatakan masih penting untuk dikaji kerana sifat organisasi yang sentiasa berubah sangat memerlukan pekerja yang berinisiatif dalam melaksanakan fungsi organisasi melebihi tugas formal (Gong et al., 2018; Srouf et al., 2020).

Sebagai sebuah organisasi perkhidmatan kewangan yang menguruskan dana haji di Malaysia, Tabung Haji (TH) perlu terus bersaing secara kompetitif agar kekal relevan dan setaraf dengan institusi kewangan lain (Pauzi et al., 2017). Beberapa usaha telah diambil oleh TH iaitu dengan meningkatkan penggunaan teknologi, kualiti perkhidmatan dan kualiti sumber manusia (Kassim & Nordin, 2012; Pauzi et al., 2017). Demi memastikan usaha tersebut berjaya, elemen sumber manusia yang merujuk kepada tingkah laku merupakan antara sumber penting yang perlu diberi perhatian (Ismail et al., 2018). Tingkah laku sukarela atau GKO dalam kalangan pekerja membantu dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam organisasi (Makhdoom et al., 2016). Kesanggupan pekerja untuk memberikan usaha yang lebih daripada tanggungjawab hakiki mereka serta sanggup meluangkan masa dan tenaga dalam menjayakan sesuatu tugas dilihat sangat penting untuk memberi implikasi kepada keberkesanan organisasi (Ismail et al., 2018). Oleh yang demikian, penting untuk kajian ini mengenal pasti tahap amalan GKO di TH serta mengenal pasti faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada GKO.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa kajian terdahulu banyak menggunakan Teori Pertukaran Sosial untuk menerangkan proses dan faktor-faktor yang menyumbang kepada GKO. Namun, Bolino et al. (2012) mengatakan Teori Pertukaran Sosial didapati tidak cukup untuk menerangkan dengan jelas tentang proses kognitif, afektif dan proses-proses lain yang mendasari sifat dinamik GKO. GKO merupakan tingkah laku yang secara spesifiknya merujuk kepada konteks tempat kerja. Namun, Teori Pertukaran Sosial lebih bersifat terbuka dan tidak terhad kepada tingkah laku sukarela atau peranan tambahan di tempat kerja. Oleh yang demikian, kajian ini mengambil inisiatif untuk memahami fenomena GKO berdasarkan Teori Permintaan-Sumber Kerja. Menurut Bakker dan Demerouti (2018), penting untuk kajian yang melibatkan pembangunan organisasi untuk melihat aspek keadaan atau persekitaran pekerjaan sebagai faktor penting yang boleh mempengaruhi hasil organisasi atau tingkah laku pekerja sama ada positif mahupun negatif. Dengan

menggunakan pendekatan yang berbeza dalam memahami GKO, kajian ini mampu mengisi jurang kajian dengan mengenal pasti beberapa faktor penting dalam organisasi yang boleh mempengaruhi GKO.

Berdasarkan literatur, faktor keadilan organisasi telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang menjadi peramal kepada GKO selama empat dekad yang lalu. Namun, kajian ini mendapati tidak semua jenis keadilan organisasi memberi kesan yang signifikan kepada GKO (cth. Cohen & Kol, 2004; Elamin & Tlaiss, 2015; Mohammad et al., 2016;). Kajian oleh Mohammad et al. (2016) yang dijalankan ke atas pekerja bank di Malaysia menunjukkan hanya keadilan distributif dan prosedur dapat memberi pengaruh yang signifikan kepada GKO. Namun, kajian oleh Ismail (2014) dan Odor et al. (2019) yang dijalankan ke atas pekerja institusi kewangan di Syria dan institut pengajian tinggi di Nigeria menunjukkan kesemua aspek keadilan (iaitu keadilan distributif, keadilan prosedur, dan keadilan interaksi) memberi kesan yang signifikan kepada GKO. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji semula apakah kesan ketiga-tiga jenis keadilan ini terhadap GKO dalam konteks pekerja di sektor perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia.

Seterusnya, antara faktor lain yang memberi pengaruh kepada GKO ialah faktor sokongan sosial yang terdiri daripada sokongan organisasi, penyelia dan juga rakan sekerja. Seperti yang dinyatakan dalam Teori Pembelajaran Sosial, sifat dan tingkah laku seseorang individu boleh dipengaruhi oleh individu lain yang berada di sekeliling mereka (Wood & Bandura, 1989). Oleh yang demikian, faktor sokongan daripada konteks sosial di tempat kerja haruslah diberi perhatian dalam kajian yang melibatkan tingkah laku individu (Aydin & Kalemci Tuzun, 2019). Lebih-lebih lagi di negara Asia khususnya Malaysia, budaya kolektivisme dan kuasa jarak (iaitu jurang dalam hubungan antara ketua dan pekerja) yang tinggi mungkin memberi hasil kajian yang berbeza. Ini kerana kajian negara barat lebih ke arah budaya individualistik dan mempunyai kuasa jarak yang lebih rendah (Suharnomo & Hashim, 2019). Oleh itu, kajian ini memenuhi jurang kajian dengan melihat apakah sokongan sosial seperti sokongan organisasi, penyelia dan rakan sekerja memberi kesan kepada GKO dalam konteks negara yang mengamalkan budaya kolektivisme dan mempunyai kuasa jarak yang tinggi khususnya di Malaysia.

Seterusnya, kajian terdahulu juga menyatakan bahawa faktor beban kerja merupakan salah satu faktor yang mempunyai hubung kait dengan GKO. Walau bagaimanapun, hasil kajian terdahulu dilihat tidak konsisten (Kumar et al., 2019). Terdapat sesetengah konteks kajian menunjukkan beban kerja menjadi faktor yang memberi tekanan kepada diri seseorang individu akibat daripada menanggung beban kerja yang berlebihan. Hal yang demikian menyebabkan tingkah laku dan prestasi pekerja akan menurun atau terganggu (Abdul Rauf, 2016; Danendra & Rahyuda, 2019; Jumadi, 2019). Namun, terdapat juga kajian yang mendapati beban kerja menjadi faktor yang mencabar (*challenge stressor*) dan menyebabkan individu bertindak dengan lebih positif dalam setiap tugas

mereka (cth. Ozer, Chang & Schaubroeck, 2014; Kumar et al., 2019; Dwomoh et al., 2019; Sutrisno & Indriasari, 2019). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang kajian dengan menguji apakah kesan beban kerja terhadap GKO para pekerja dalam konteks negara Malaysia atau secara spesifiknya para pekerja di TH.

Akhir sekali, kajian ini mendapati bahawa hasil kajian terdahulu menunjukkan terdapat hubungan yang tidak konsisten antara pemboleh ubah bebas seperti keadilan organisasi, sokongan sosial dan beban kerja dengan GKO. Perkara ini terjadi, mungkin kerana faktor psikologi memainkan peranan dalam menentukan tingkah laku seseorang individu (Avey et al., 2010). Menurut Bakker dan Demerouti (2018), faktor psikologi seperti modal psikologi merupakan elemen penting dalam hubungan antara keadaan pekerjaan dengan tingkah laku pekerja. Modal psikologi yang positif akan meningkatkan kualiti kerja individu dan mengukuhkan tingkah laku untuk bertindak positif apabila berhadapan dengan situasi yang tidak terancang atau tertekan di tempat kerja (Avey et al., 2010; Gupta et al., 2017; Aybas & Acar, 2017; Aftab et al., 2018; Harms & Luthans, 2012; Roberts et al., 2011).

Berdasarkan penelitian literatur juga, didapati terdapat banyak kajian sebelum ini yang telah membuktikan bahawa sumber psikologi mampu memberi pengaruh secara langsung kepada GKO (cth. Bogler & Somech, 2019; Gupta et al., 2017; Rezkiya & Anggraeni, 2020). Namun berdasarkan pencarian literatur secara sistematis menggunakan string di *Google Scholars*, kajian yang menyelidik peranan faktor psikologi sebagai penyederhana dalam menerangkan fenomena GKO didapati sangat terhad. Daripada sejumlah 6500 artikel, hanya terdapat kurang daripada 20 kajian (cth., Aftab et al., 2018, Aderibigbe & Mjoli, et al., 2018; De Clercq et al., 2019; Lam et al., 2015; Shaheen et al., 2016; Zhou et al., 2012) yang menguji kesan modal psikologi sebagai penyederhana. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengkaji peranan sumber peribadi individu iaitu modal psikologi dalam hubungan antara keadilan organisasi, sokongan sosial dan beban kerja dengan GKO.

### **Persoalan Kajian**

Oleh itu, persoalan kajian adalah seperti berikut:

- a. Adakah tiga faktor keadilan organisasi (distributif, prosedur dan interaksi) mempengaruhi gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji?
- b. Adakah tiga faktor sokongan sosial (organisasi, sokongan penyelia dan rakan sekerja) mempengaruhi gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji?
- c. Adakah faktor beban kerja mempengaruhi gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Lembaga Tabung Haji?

- d. Adakah modal psikologi memainkan peranan sebagai penyederhana dalam hubungan antara keadilan organisasi (distributif, prosedur dan interaksi), sokongan sosial (sokongan organisasi, sokongan penyelia dan rakan sekerja) serta beban kerja dengan gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji?

Kajian ini akan menjawab kesemua persoalan kajian di atas dan mengisi jurang pengetahuan yang wujud berkaitan peranan modal psikologi sebagai penyederhana dalam hubungan antara faktor beban kerja, tiga faktor keadilan organisasi dan tiga faktor sokongan sosial terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua kategori iaitu objektif umum dan objektif spesifik.

#### **1.3.1 Objektif Umum**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengkaji peranan modal psikologi sebagai penyederhana dalam menentukan pengaruh faktor keadilan organisasi, sokongan organisasi dan beban kerja, terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi (GKO) dalam kalangan pekerja di Tabung Haji, Malaysia.

#### **1.3.2 Objektif Spesifik**

Objektif kajian spesifik pula terbahagi kepada beberapa pecahan seperti berikut iaitu untuk:

- i. mengenal pasti tahap gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji;
- ii. mengenal pasti tahap faktor keadilan organisasi (distributif, prosedur dan interaksi), faktor sokongan sosial (sokongan organisasi, sokongan penyelia dan sokongan rakan sekerja) dan faktor kerja (beban kerja) dalam kalangan pekerja di Tabung Haji;
- iii. mengkaji pengaruh faktor keadilan organisasi (distributif, prosedur dan interaksi) terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji;
- iv. mengkaji pengaruh faktor sokongan sosial (organisasi, sokongan penyelia dan rakan sekerja) terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji;



- v. mengkaji pengaruh faktor kerja (beban kerja) terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Lembaga Tabung Haji;
- vi. mengkaji pengaruh modal psikologi sebagai penyederhana terhadap hubungan antara faktor keadilan organisasi, sokongan sosial dan beban kerja dengan gelagat kewarganegaraan organisasi dalam kalangan pekerja di Tabung Haji.

#### 1.4 Hipotesis Kajian

**Hipotesis 1:** Keadilan distributif mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 2:** Keadilan prosedur mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 3:** Keadilan interaksi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 4:** Sokongan organisasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 5:** Sokongan penyelia mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 6:** Sokongan rakan sekerja mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 7:** Beban kerja mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap gelagat kewarganegaraan organisasi para pekerja di Tabung Haji.

**Hipotesis 8:** Modal psikologi menyumbang secara signifikan sebagai penyederhana dalam hubungan antara keadilan distributif (**H8a**), keadilan prosedur (**H8b**) serta keadilan interaksi (**H8c**) dengan GKO para pekerja di Tabung Haji

